

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian

TARIKH : Rabu, 16 Januari 2013

M/S : 6

### RTM siar maklumat lengkap APA

**PETALING JAYA** - Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan akan memberi penjelasan lengkap mengenai kesalahan mengikut Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736).

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Maglin Dennis D'Cruz berkata, penjelasan itu akan dilakukan da-

lam masa terdekat menerusi radio, televisyen dan media baharu seperti *Facebook*, *Twitter*, laman web serta blog.

Katanya, orang ramai harus memahami peraturan mengikut Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) demi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam, khususnya apabila membabitkan kanak-kanak berusia bawah 15 tahun menyertai perhimpunan.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan babak pertama filem Tamil tempatan bertajuk 'Vetti Pasanga' terbitan Veedu Productions Sdn Bhd di Kul Sri Srinivasa Perumal Devasthanam, Puchong dekat sini, semalam.

Turut hadir Setiausaha Agung Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk Mohan Kandasamy dan Ketua Pemuda MIC, T Mohan. - Bernama